

Tahap Pengetahuan Mahasiswa Jurusan Sains Politik Terhadap Istilah Diplomasi dalam Bahasa Melayu

The Level of Knowledge of Political Science Students Regarding the Term Diplomacy in The Malay Language

Syed Ismail Idlan Aidid Syed Mohd Suhaimi¹, Mohamad Suhaizi Suhaimi^{2*}

¹ *Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Pagoh), 84600, MALAYSIA*

² *Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Pagoh), 84600, MALAYSIA*

*Corresponding Author: msuhaizi@iium.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2025.17.02.003>

Maklumat Artikel

Diserah: 25 Mac 2025
Diterima: 3 Jun 2025
Diterbitkan: 31 Disember 2025

Kata Kunci

Diplomatik, Bahasa Melayu, sains politik, istilah, pemahaman

Abstrak

Urusan diplomatik kini melibatkan rakyat yang ingin mengetahui perkembangan hubungan Malaysia dengan negara lain serta isu-isu antarabangsa. Kerajaan sering mengeluarkan kenyataan rasmi dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke pelbagai medium. Istilah-istilah diplomatik mesti diterjemahkan dengan tepat ke dalam bahasa Melayu untuk pemahaman rakyat. Objektif pertama kajian ini ialah mengenal pasti istilah-istilah diplomasi dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga ingin menganalisis tahap pengetahuan pelajar jurusan Sains Politik terhadap istilah diplomasi dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah campuran yang terdiri daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Borang soal selidik digunakan dalam kajian dan disebarikan secara talian kepada para responden. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan para pelajar terhadap istilah diplomasi dalam bahasa Melayu pada tahap yang sederhana. Hal ini demikian kerana, penggunaan istilah-istilah ini amat terhad dan sering digunakan dalam situasi formal. Oleh itu, pendedahan istilah ini dalam bahasa Melayu tidak begitu meluas dalam kalangan rakyat serta perlu diberi perhatian oleh semua lapisan masyarakat.

Keywords

diplomatic, Malay language, political science, terms, understanding

Abstract

Diplomatic affairs now involve the public, who wish to know about the development of Malaysia's relations with other countries and international issues. The government frequently issues official statements in two languages, namely Malay and English, through various media. Diplomatic terms must be accurately translated into Malay for the public's understanding. The first objective of this study is to identify diplomatic terms in the Malay language. In addition, this study also aims to analyze the level of knowledge of Political Science students regarding diplomatic terms in Malay. This study employs a mixed-method approach, which includes both qualitative and quantitative methods. A

questionnaire survey was used in the study and distributed online to the respondents. The results show that the students' level of knowledge regarding diplomatic terms in Malay is at a moderate level. This is due to the limited use of these terms, which are often used in formal situations. Therefore, the exposure of these terms in Malay is not widespread among the public and needs to be given more attention by all segments of society.

1. Pengenalan

Sejarah diplomatik Malaysia telah bermula dari tahun 1956 lagi dengan penubuhan *Ministry of External Affairs* (kemudian *Ministry of Foreign Affairs*) pada ketika itu dengan jumlah seramai 11 orang pegawai diplomat perintis yang dihantar ke Britain dan Australia untuk menjalankan latihan mereka. Antara misi-misi diplomatik pertama Malaysia ditubuhkan di beberapa ibu negara seperti London, Washington, Canberra, New York, New Dehli, Jakarta dan Bangkok. Pada tahun 1963, Malaysia sudah mempunyai sebanyak 14 buah misi diplomatik di luar negara. Angka tersebut meningkat kepada 21 pada tahun 1966. Kini, Malaysia sudah mempunyai 110 buah misi diplomatik yang telah membuktikan sesuatu yang membanggakan tentang Kementerian Luar Negeri Malaysia yang telah berkembang maju hasil usaha para pegawai diplomat Malaysia.

Di Malaysia, terdapat sebuah institusi khas bagi melatih para pegawai diplomat yang berkhidmat di Kementerian Luar Negeri iaitu, Institusi Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri atau lebih dikenali dengan *Institute of Diplomacy and Foreign Relations* (IDFR). Institusi ini merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Luar Negeri Malaysia. IDFR ditubuhkan pada 1 Julai 1991 setelah mendapat persetujuan Kabinet Perdana Menteri pada 6 Mac 1991. Tun Dr. Mahathir yang merupakan Perdana Menteri ketika itu telah merasmikan IDFR pada 12 Ogos 1991. IDFR berfungsi mengendalikan program latihan diplomatik kepada para diplomat Malaysia yang melengkapi mereka dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menangani cabaran yang mereka akan hadapi dalam menjalankan tugas sebagai diplomat.

Walaupun dilatih dengan pelbagai kemahiran, seorang pegawai kerajaan Malaysia mesti mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam bahasa Melayu. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 merupakan pasak yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Selain itu, lakaran sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu digunakan sebagai *lingua franca* dalam urusan perdagangan dan juga hubungan diplomatik (Ayu Norazilah dan Wayu Nor Asikin Mohamad, 2022). Beliau juga memetik pendapat Za'ba dalam tulisannya yang berjudul "Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-Lepas Merdeka" mengenai enam asbab bahasa Melayu dipilih dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Bahasa Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu. Antaranya ialah 1) Tanah Melayu merupakan negeri orang Melayu, 2) bahasa Melayu merupakan bahasa asli di negeri ini, 3) bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan di negeri ini, 4) bahasa Melayu merupakan bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman, 5) bahasa Melayu telah menjadi bahasa republik Indonesia dan akhir sekali ialah bahasa Melayu adalah bahasa yang mudah.

2. Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai peristilahan dalam bidang tertentu dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah kajian daripada Amirulhakim Jalil, Nur Fatehah Jeffri dan Mohd Fauzan Mat Jam Jam (2024) yang menilai tahap penguasaan istilah sains dan teknologi pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Selain itu, terdapat juga kajian daripada Aminnudin Saimon et al. (2022) yang mengkaji mengenai peristilahan teknologi dan maklumat dalam kalangan mahasiswa bidang bahasa Melayu serta kajian oleh Hasnah Mohamad dan Noorul Khairien Abdul Malek (2020) memberi perhatian terhadap pembentukan istilah sains kesihatan dalam bahasa Melayu. Justeru, dapat dilihat di sini bahawa kajian peristilahan begitu mendapat sambutan dalam kalangan pengkaji melalui pelbagai bidang. Namun begitu, kajian terhadap istilah diplomatik tidak begitu luas dan kurang disentuh oleh para pengkaji.

Menjadi seorang diplomat bukan perkara yang begitu mudah. Terdapat pelbagai latihan yang diperlukan untuk melahirkan seorang diplomat yang berkaliber. Hal ini termasuk dari segi komunikasi dan juga penggunaan bahasa. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa, penguasaan bahasa Inggeris begitu penting dalam kerjaya sebagai seorang diplomat. Lantaran itu, apabila menjalankan urusan dalaman kerajaan, penggunaan bahasa Melayu perlu dijadikan keutamaan. Perkara ini bertepatan dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian PO.1.1.1: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam. Hal ini termasuk penggunaan istilah diplomatik dalam bahasa Melayu. Oleh itu, penggunaan istilah yang tidak tepat bakal menjejaskan proses komunikasi yang berlaku dalam sesebuah agensi kerajaan. Hal ini disokong melalui kenyataan Mohammed Azlan Mis dan Nur Syafiqah Muhammad Situl (2022) iaitu kegagalan menguasai bahasa Melayu boleh menjejaskan prestasi perkhidmatan pelanggan ketika berurusan dengan pelanggan dalam sektor kerajaan.

Selain itu, penggunaan istilah diplomatik dalam bahasa Inggeris yang meluas dilihat mampu mengurangkan penggunaan istilah ini dalam bahasa ibunda. Menurut Aminuddin Saimon et al. (2022), antara sebab utama masyarakat tidak mempunyai kefahaman terhadap sesuatu istilah adalah kerana kurangnya penggunaan dan juga pendedahan terhadap sesuatu istilah. Kesannya, impian kerajaan untuk meluaskan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan akan terkubur. Hal ini juga akan mengakibatkan perkembangan istilah bahasa Melayu dalam bidang ini bakal terbantut.

3. Kajian Literatur

Muhammad Hatta Shafri et al. (2023) telah mengkaji kekerapan penggunaan istilah berkaitan Covid-19 dalam akhbar berbahasa Arab. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti istilah Arab dalam Covid-19 dan kekerapan penggunaannya dalam akhbar arab yang terpilih. Metodologi dalam kajian ini ialah analisis korpus yang digunakan terhadap data istilah-istilah arab Covid-19 yang terdapat dalam akhbar Arab yang terpilih. Akhbar yang terpilih tersebut ialah *al-Jazeera*, *al-Aswaq* dan *al-Ghad* yang diambil dari 20 Mac 2020 hingga 20 Mac 2021. Hasil dapatan menunjukkan terdapat 215938 patah perkataan yang mempunyai kaitan dengan istilah Covid-19 dalam 467 artikel akhbar. Berbanding genre politik dan ekonomi, kerajaan dan masyarakat memerlukan masa untuk mengadaptasi pandemik ini sebelum membincangkan dengan lebih lanjut dari segi ekonomi dan politik dalam pembentukan dasar atau inisiatif untuk rakyat dalam menghadapi pandemik ini.

Seterusnya, sebuah kajian yang bertajuk *Diplomatic Language as part of the Language for Specific Purposes* yang dijalankan oleh Bobeica (2021). Kajian ini mengkaji peristilahan khusus dan strategi wacana yang digunakan dalam bahasa diplomatik selain meningkatkan pemahaman terhadap kaedah diplomatik berkomunikasi dan berunding secara efektif dalam perhubungan antarabangsa. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis kualitatif, penjelajahan teori dan pendekatan antara disiplin. Kaedah-kaedah tersebut digunakan untuk menyiasat kompleksiti bahasa diplomatik dalam bidang bahasa untuk tujuan tertentu bagi mencapai objektif dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahasa diplomatik mengalami evolusi dinamik, penyesuaian diri dengan perubahan politik dan praktik diplomatik.

Akhir sekali, sebuah kajian yang dijalankan oleh Lysyakova dan Oshurmahmadova (2020) yang bertajuk *Towards The Terminological Status of Diplomatic Documenting Vocabulary*. Kajian ini bertujuan mengenal pasti sifat-sifat istilah yang digunakan dalam kosa kata diplomatik serta menentukan ciri-ciri struktur-semantik dan fungsinya. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif yang melibatkan analisis linguistik korpus lanjutan dokumen diplomatik. Analisis ini akan melibatkan kajian terhadap perbendaharaan kata, istilah, dan corak bahasa yang terdapat dalam dokumen diplomatik dalam usaha untuk mengenal pasti dan pengklasifikasian terhadap bahasa khusus yang digunakan dalam konteks ini. Hasil dapatan membuktikan bahawa istilah diplomatik Rusia telah mengalami evolusi sejak berabad lamanya. Evolusi ini menunjukkan adaptasi dan pertumbuhan istilah diplomatik memenuhi keperluan dan konteks komunikasi diplomatik yang begitu dinamik. Daripada kajian-kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa penterjemahan dan penggunaan istilah diplomasi dalam bahasa Melayu masih merupakan satu bidang yang kurang diterokai oleh para pengkaji terkini.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah campuran yang terdiri daripada kaedah kualitatif; analisis kandungan teks yang menggunakan buku *Daftar Istilah Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, kaedah kuantitatif; soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa UIAM jurusan Sains Politik untuk menilai tahap pemahaman mereka terhadap istilah diplomasi dalam bahasa Melayu. Sampel kajian ini melibatkan 33 orang mahasiswa daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, yang terdiri daripada pelajar tahun pertama hingga tahun keempat.

Borang soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji diedarkan untuk menguji tahap pengetahuan para pelajar jurusan sains politik mengenai istilah diplomasi dalam bahasa Melayu. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama memfokuskan demografi para pelajar sains politik. Dalam bahagian ini, mengandungi soalan mengenai jantina, umur dan juga tahun pengajian para responden. Bahagian kedua pula memfokuskan menguji istilah diplomasi dalam bahasa Melayu. Bahagian ini mempunyai 18 soalan dalam bentuk objektif. Para responden diminta untuk memilih jawapan yang benar berdasarkan soalan yang diberikan. Soalan-soalan ini bertanya kepada para responden mengenai makna istilah diplomasi dalam bahasa Melayu dengan tepat. Terdapat empat pilihan jawapan yang perlu dipilih oleh para responden. Soalan-soalan tersebut mempunyai satu jawapan yang tepat. Kemudian sesi temu bual ringkas bersama responden diadakan untuk menilai maklum balas mengenai kefahaman mereka ketika menjawab soalan istilah-istilah tersebut. Analisis kandungan teks, tinjauan, temu bual, soal selidik dan sebagainya merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan dalam mengumpulkan data kajian.

Bagi objektif pertama, pengkaji telah melakukan analisis kandungan teks terhadap buku *Daftar Istilah Diplomatik dan Perhubungan Antarabangsa*. Kutipan data bagi objektif kedua, pengkaji telah menggunakan kaedah lapangan iaitu, menggunakan borang soal selidik (*Google Form*). Borang soal selidik ini diedarkan ke

pelbagai kumpulan sembang aplikasi *Whatsapp* yang mempunyai pelajar-pelajar jurusan sains politik di Universiti Islam Antarabangsa di Gombak. Pengkaji juga menghubungi *admin* bagi akaun *Instagram* kelab bagi pelajar-pelajar jurusan sains politik, *Political Sciences Student Association*. Hal ini bermaksud sampel yang digunakan dalam kajian ini merupakan sampel bertujuan kerana pengkaji hanya memilih pelajar jurusan Sains Politik untuk menjawab soal selidik ini.

Objektif kedua pula, pengkaji memilih istilah-istilah yang terpilih dalam buku Daftar Istilah Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa. Buku ini mempunyai banyak istilah-istilah diplomasi dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Istilah-istilah ini kemudian digunakan untuk menguji tahap pengetahuan para responden terhadap istilah diplomasi dalam bahasa Melayu. Seterusnya, pengkaji mengadakan temu bual ringkas untuk bertanya maklum balas responden mengenai tahap kefahaman mereka terhadap istilah-istilah yang telah mereka jawab. Penganalisan data terhadap borang soal selidik ini dilakukan dengan melihat pilihan jawapan para responden. Hanya terdapat satu jawapan betul dalam setiap soalan. Responden yang memilih jawapan yang betul menunjukkan responden tersebut mengetahui makna sesebuah istilah tersebut dalam bahasa Melayu. Responden yang memilih jawapan yang salah menunjukkan responden tersebut tidak mengetahui makna istilah diplomasi tersebut dalam bahasa Melayu. Bagi pemilihan istilah dalam buku Daftar Istilah Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa, pengkaji tidak memilih perkataan pinjaman dalam bahasa Inggeris. Misalnya perkataan seperti *arbitrage* (abitraj), *colonialism* (kolonialisme), *oligarchy* (oligarki) dan selebihnya. Perkataan yang digunakan seharian juga tidak dipilih seperti *quota* (kuota), *sovereign* (daulat), *currency* (mata wang) dan sebagainya.

5. Dapatan dan Perbincangan


Sebanyak 18 istilah diplomasi dalam bahasa Melayu yang merupakan terjemahan daripada istilah asal dalam bahasa Inggeris, Istilah-istilah ini memainkan peranan penting dalam bidang perhubungan antarabangsa dan diplomasi, serta sering digunakan dalam komunikasi rasmi.

5.1 Demografi

Bahagian ini menerangkan mengenai demografi para responden yang menjawab soal selidik melalui *Google Form* yang telah diedarkan kepada mereka. Antara demografi yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah jantina, umur dan tahun pengajian para responden.

5.1.1 Jantina


Seramai 19 orang perempuan yang bersamaan dengan 57.6% dan 14 orang lelaki yang bersamaan dengan 42.4%.



Rajah 1 Responden berdasarkan jantina

5.1.2 Umur


Bagi peringkat umur 19-20, seramai enam orang responden. Peringkat umur 21-22 pula mempunyai seramai 20 orang. Seterusnya, peringkat umur 23-24 mempunyai lima orang. Bagi peringkat umur yang 25-30 terdapat seorang sahaja responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini.



Rajah 2 Pecahan umur responden

5.1.3 Tahun Pengajian

Hanya terdapat empat tahun pengajian yang terdapat dalam kajian ini. Tahun Pertama pengajian mempunyai seramai 10 orang bersamaan dengan 30.3%. Tahun Kedua pengajian pula terdapat seramai 14 orang bersamaan dengan 42.4%. Kemudian, terdapat tujuh orang pelajar Tahun Ketiga dalam kajian ini yang bersamaan dengan 21.2%. Akhir sekali, hanya dua orang sahaja yang bersamaan 6.1% pelajar Tahun Keempat yang menjadi responden dalam kajian ini.



Rajah 3 Tahun pengajian responden

5.1.4 Istilah Bidang Diplomasi

Jadual 1 menunjukkan istilah-istilah diplomasi yang digunakan dalam kajian ini, merangkumi padanan istilah bahasa Melayu–bahasa Inggeris serta penerangan ringkas bagi setiap istilah. Istilah-istilah ini digunakan sebagai asas penyediaan instrumen kajian dan rujukan analisis dapatan.

Jadual 1 Istilah-istilah diplomasi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang disertai penerangan

Bil	Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Makna
1.	<i>Amity</i>	Persahabatan	Merupakan jalinan hubungan antara dua belah pihak yang mempunyai persafahaman antara satu sama lain.
2.	<i>Bicameral</i>	Dwidewan	Sebuah sistem perundangan yang mempunyai dua dewan (Dwidewan). Misalnya seperti Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Malaysia.
3.	<i>Buffer state/zone</i>	Negara/Zon Pemampin	Negara berstatus neutral yang dihimpit oleh dua negara kuasa besar. Fungsi negara ini adalah sebagai zon neutral yang membantu mencegah konflik antara kuasa yang lebih besar dengan bertindak sebagai penghalang.
4.	<i>Coup De Tat</i>	Kudeta/ Rampasan Kuasa	Rampasan kuasa pentadbiran secara tiba-tiba yang menyalahi undang-undang. Proses ini sering dilaksanakan oleh ahli politik, pegawai tentera atau individu yang berkuasa. Perkara ini berlaku dengan tujuan untuk menjatuhkan pemerintahan semasa dan diganti dengan yang baharu.
5.	<i>Espionage</i>	Pengintipan	Proses mendapatkan maklumat sulit tanpa pengetahuan pemegang maklumat tersebut. Perkara ini begitu penting dalam usaha untuk bersiap sedia dengan segala ancaman yang akan datang.
6.	<i>Asylum</i>	Suaka	Sebuah bentuk perlindungan terhadap individu supaya mereka tidak dikembalikan ke negara asal di bawah undang-undang negara asing yang diduduki oleh individu tersebut. Seseorang memohon suaka kerana bimbang dianiaya oleh negara sendiri disebabkan oleh faktor-faktor seperti agama, bangsa, politik dan sebagainya.
7.	<i>Watchdog</i>	Pemerhati	Pemerhati merupakan sebuah entiti yang mengawasi pihak-pihak supaya mematuhi peraturan atau undang-undang yang telah ditetapkan. Pemerhati ini boleh terdiri daripada wartawan, agensi kerajaan atau mana-mana pasukan dalam sesebuah organisasi. Bagi pihak-pihak yang didapati melanggar undang-undang yang telah ditetapkan, pemerhati yang bertugas mempunyai kuasa untuk membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.
8.	<i>Brief</i>	Ikhtisar	Ikhtisar merupakan sebuah sesi yang ringkas dan bermaklumat yang memainkan peranan yang penting dalam memastikan diplomat, pegawai kerajaan dan pihak berkepentingan mendapat maklumat yang baik, sejajar dengan isu-isu utama dan dilengkapi dengan pengetahuan dan pandangan yang diperlukan. Ikhtisar juga menjadi platform untuk pertukaran maklumat, perancangan strategik dan penyelarasan taklimat diplomatik yang signifikan kepada pengendalian aktiviti diplomatik yang berkesan.

Bil	Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Makna
9.	<i>Think Tank</i>	Institutsi Pemikir	Sebuah organisasi yang menjalankan penyelidikan dan analisis mengenai pelbagai isu masyarakat. Organisasi ini terdiri daripada pakar daripada bidang-bidang tertentu, penyelidik, ahli akademik dan pembuat dasar. Mereka memainkan peranan yang begitu penting dalam sistem tadbir urus moden dengan menyediakan perkhidmatan perundingan, cadangan dasar dan mempengaruhi proses membuat keputusan
10.	<i>Coat of Arms</i>	Jata	Jata merupakan simbol untuk mewakili sesebuah entiti seperti keluarga diraja atau bangsawan, negara, organisasi dan sebagainya.
11.	<i>Ultimatum</i>	Kata Dua	Sebuah permintaan khusus yang dibuat oleh satu pihak kepada pihak yang berlawanan. Permintaan ini sering disertai dengan ancaman jika pihak penerima tidak memenuhi permintaan yang diberikan. Penerima juga mesti memenuhi permintaan yang dinyatakan sebelum tarikh akhir yang telah ditetapkan. Penerima mempunyai hanya dua pilihan iaitu mematuhi semua permintaan atau berdepan dengan ancaman yang diberikan.
12.	<i>Hot pursuit</i>	Kejar Buru	Istilah ini bermaksud proses mengejar bot atau kapal yang mencero boh atau gagal mematuhi undang-undang laut/maritim di sesebuah negara.
13.	<i>Abrogate</i>	Mansuh	Pembatalan atau pemansuhan secara sah atau rasmi undang-undang, perjanjian atau adat. Perjanjian atau undang-undang yang telah dimansuhkan akan dianggap tidak sah.
14.	<i>Armistice</i>	Perjanjian Gencatan Senjata	Perjanjian rasmi antara pihak yang sedang berbalah dalam sesebuah peperangan atau konflik untuk menghentikan sementara pergolakkan atau permusuhan dalam bentuk gencatan senjata. Perjanjian ini merupakan solusi sementara dalam sesuatu tempoh bagi membenarkan rundingan atau perjanjian damai bagi temoh masa yang panjang. Istilah ini sering digunakan untuk merujuk pemberhentian singkat permusuhan semasa peperangan atau konflik bersenjata.
15.	<i>Embargo</i>	Sekatan	Sebuah tindakan untuk menyekat perdagangan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan seperti menyekat import atau eksport, perkhidmatan, sumber tertentu dari sesebuah negara. Sekatan juga menjadi alat dalam pentas politik dunia yang digunakan untuk pelbagai fungsi seperti menguatkuasakan undang-undang, menyelesaikan konflik antarabangsa atau mengenakan tekanan kepada pihak tertentu. Sekatan yang berkesan boleh meninggalkan kesan yang begitu mendalam lebih-lebih lagi dalam segi ekonomi sesebuah negara.

Bil	Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Makna
16.	<i>Secession</i>	Pemisahan	Tindakan meninggalkan atau menarik diri seseorang daripada sesebuah seperti negara, negeri atau sesebuah organisasi bagi mewujudkan entiti baharu yang bebas. Perkara ini juga merupakan pengisytiharan yang rasmi dalam proses pemisahan. Politik, budaya, ekonomi atau intelektual merupakan salah satu faktor sesebuah pihak bertindak untuk memisahkan diri.
17.	<i>Space Debris</i>	Reja Angkasa	Objek atau komponen buatan manusia yang telah rosak atau tidak digunakan mengorbit bumi atau memasuki atmosfera bumi.
18.	<i>Unanimity</i>	Kesepakatan Mutlak	Keadaan bagi setiap individu atau sesebuah pihak mempunyai persetujuan atau sebulat suara yang padu atau jitu terhadap sesuatu keputusan mengenai sesuatu isu atau pilihan. Perkara ini terjadi sekiranya pihak yang terlibat dalam sesuatu penentuan keputusan mempunyai persefahaman atau keharmonian yang begitu tinggi antara satu sama lain.

5.2 Pengetahuan Pelajar Terhadap Istilah Diplomasi dalam Bahasa Melayu

Jadual 2 Tahap Pengetahuan Pelajar terhadap Istilah-istilah diplomasi dalam bahasa Melayu

Istilah Bahasa Melayu	Istilah Bahasa Inggeris	Jawapan Betul	Jawapan Salah
Persahabatan	<i>Amity</i>	19	14
Dwidewan	<i>Bicameral</i>	25	8
Negara Pemampam	<i>Buffer State</i>	24	9
Rampasan Kuasa	<i>Coup de tat</i>	29	4
Pengintipan	<i>Espionage</i>	18	15
Suaka	<i>Asylum</i>	20	13
Pemerhati	<i>Watchdog</i>	27	6
Ikhtisar	<i>Brief</i>	16	17
Institutsi Pemikir	<i>Think Tank</i>	27	6
Jata	<i>Coat of Arms</i>	18	15
Kata Dua	<i>Ultimatum</i>	6	27
Kejar Buru	<i>Hot Pursuit</i>	20	13
Mansuh	<i>Abrogate</i>	22	11
Perjanjian Gengatan Senjata	<i>Armistice</i>	22	11
Pemisah	<i>Secession</i>	23	10
Reja Angkasa	<i>Space Debris</i>	17	16
Kesepakatan Mutlak	<i>Unanimity</i>	19	14
		Jumlah: 352 (59%)	Jumlah: 209

Berdasarkan Jadual 2, tahap pengetahuan pelajar terhadap istilah diplomasi dalam Bahasa Melayu adalah pada tahap sederhana, dengan jumlah jawapan betul 352 (59%) berbanding 209 jawapan salah. Secara umum, pelajar lebih menguasai istilah yang kerap muncul dalam wacana semasa dan media, misalnya “Rampasan Kuasa (Coup de tat)” mencatat bilangan jawapan betul tertinggi (29 betul, 4 salah), diikuti “Pemerhati (Watchdog)” dan “Institutsi Pemikir (Think Tank)” (masing-masing 27 betul, 6 salah), serta “Dwidewan (Bicameral)” (25 betul, 8 salah) dan “Negara Pemampam (Buffer State)” (24 betul, 9 salah). Namun, beberapa istilah menunjukkan kekeliruan yang ketara, khususnya “Kata Dua (Ultimatum)” yang mencatat jawapan betul paling rendah (6 betul, 27 salah), diikuti istilah yang hampir seimbang betul-salah seperti “Ikhtisar (Brief)” (16 betul, 17 salah) dan “Reja Angkasa (Space Debris)” (17 betul, 16 salah). Dapatan ini mencadangkan bahawa pendedahan dan kekerapan

penggunaan istilah mempengaruhi kefahaman pelajar, dan pengukuhan perlu difokuskan pada istilah yang kurang lazim atau mudah mengelirukan melalui contoh konteks, latihan aplikasi, dan aktiviti pengayaan kosa kata diplomasi.

5.2.1 Dapatan Maklum Balas Temu Bual Responden

Pada bahagian ini, pengkaji membentangkan dapatan temu bual ringkas yang dijalankan terhadap enam orang responden yang dipilih secara rawak setelah sesi soal selidik selesai dijalankan. Maklum balas responden terhadap istilah-istilah diplomasi dalam bahasa Melayu adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 Maklum balas responden

Responden	Jawapan
Responden 1	Mengetahui semua istilah.
Responden 2	Mengetahui semua istilah kerana merupakan pelajar jurusan Sains Politik. Namun terdapat beberapa istilah yang tidak diketahui.
Responden 3	Mengetahui semua istilah yang ditanya.
Responden 4	Mengetahui semua istilah digunakan dalam borang soal selidik.
Responden 5	Tidak semua istilah diketahui oleh responden. Sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Hal ini kerana jarang digunakan dalam perbualan seharian. Selain itu, istilah-istilah tersebut dianggap asing.
Responden 6	Hampir semua istilah tidak difahami oleh responden. Hanya sebilangan kecil sahaja. Kekurangan pendedahan merupakan salah satu punca. Selain itu, istilah terlalu formal atau hanya kerap digunakan dalam suasana diplomatik. Ada istilah yang pernah nampak. Akan tetapi tidak diketahui maknanya.

Melalui maklum balas daripada para responden menunjukkan majoriti responden yang ditemu bual mengetahui istilah-istilah yang ditanya. Pengkaji mendapati seramai tiga orang memahami sepenuhnya istilah-istilah yang ditanya, seorang responden yang tidak memahami beberapa istilah dan akhir sekali, dua orang responden yang tidak memahami majoriti istilah yang ditanya.

Rata-rata responden yang ditemu bual mempunyai pelbagai markah dalam menjawab soal selidik yang diberikan. Responden 1, 3 dan 4 yang memahami istilah-istilah tersebut mempunyai markah 94%, 89% dan 83%. Responden 2 yang tidak memahami beberapa istilah mempunyai markah sebanyak 78%. Responden 5 dan 6 pula masing-masing mempunyai markah sebanyak 33% dan 94%.

Bagi responden 5 dan 6 mereka menyatakan sebab mengapa mereka tidak mengetahui makna istilah-istilah yang diberikan. Responden 5 menyatakan bahawa dia tidak mengetahui istilah-istilah tersebut kerana istilah yang ditanya jarang atau hampir tidak digunakan dalam perbualan harian. Kesannya, istilah-istilah tersebut dianggap asing oleh responden. Responden 6 pula menyatakan bahawa istilah yang ditanya begitu formal dan hanya digunakan dalam suasana diplomatik. Beliau juga menyatakan bahawa istilah-istilah yang ditanya tidak diketahui makna atau fungsinya.

Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan istilah diplomasi begitu eksklusif sama seperti istilah perubatan yang digunakan oleh para doktor. Istilah-istilah ini hanya digunakan dalam situasi yang begitu formal. Amat jarang istilah-istilah ini digunakan dalam perbualan seharian. Antara bentuk formal penggunaan istilah-istilah ini ialah ketika sidang media, ucapan atau kenyataan rasmi, malah ada juga dalam bentuk tulisan seperti laporan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Penggunaan istilah ini dalam situasi formal begitu penting kerana menunjukkan kepentingan atau keseriusan sesuatu perkara dan perlunya untuk seseorang mengambil berat akan perkara yang dibincangkan. Selain itu, bahasa Melayu juga mempunyai pelbagai lagi fungsi utama yang lain seperti bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan juga bahasa perpaduan di Malaysia (Norliza Jamaluddin, 2023).

Istilah formal memainkan peranan yang begitu penting bagi memastikan komunikasi disampaikan dengan jelas dan tepat. Hal ini demikian kerana istilah formal tidak terikat dengan agama, bangsa, dialek atau asal usul seseorang. Istilah formal merupakan istilah yang telah diseragamkan dan mampu mengekalkan konsisten dalam sesuatu komunikasi bagi kegunaan dan kefahaman semua pihak. Perkara ini dapat mengurangkan kekeliruan dan menjadikan komunikasi lebih efisien. Dalam konteks diplomasi, penggunaan istilah yang formal amat penting

lebih-lebih lagi pada peringkat global. Istilah-istilah yang formal ini mampu menyelaraskan komunikasi antara negara dalam usaha untuk mencapai pemahaman yang sama. Hal ini begitu penting demi mengelakkan salah faham yang boleh menyebabkan konflik antarabangsa.

Seperti istilah-istilah yang lain, penggunaan istilah diplomasi begitu terhad dalam bidangnya tersendiri. Misalnya, penggunaan istilah *coup de tat* yang bermaksud rampasan kuasa. Istilah ini bermaksud rampasan kuasa terhadap kerajaan semasa yang tidak sah. Fenomena ini amat jarang berlaku dalam perbualan harian dan merupakan peristiwa yang meninggalkan kesan besar dalam sejarah pentadbiran sesebuah negara. Istilah ini hanya akan muncul dalam laporan berita atau dalam perhimpunan yang melibatkan komuniti antarabangsa yang begitu besar. Masyarakat akan jarang menggunakan istilah-istilah diplomasi dalam perbualan seharian mereka lebih-lebih lagi jika mereka tidak mempunyai perkaitan atau terlibat dengan bidang diplomasi.

Akhir sekali, responden juga menyatakan bahawa beliau tidak memahami maksud atau penggunaan istilah-istilah yang ditanya. Dalam istilah yang ditanya, terdapat beberapa istilah yang kita boleh anggap biasa dengar dalam perbualan harian. Walau bagaimanapun, jika istilah tersebut digunakan dalam konteks diplomasi istilah tersebut mempunyai kegunaan atau makna yang begitu berbeza. Contoh salah satu istilah yang menjadi kebiasaan digunakan dalam perbualan seharian ialah 'persahabatan'. Persahabatan dalam konteks perbualan harian bermaksud hubungan yang terjalin antara dua atau lebih individu tanpa mempunyai latar belakang keluarga antara mereka. Dalam konteks diplomasi pula, 'persahabatan' bermaksud hubungan yang berasaskan persefahaman atau kerjasama yang terjalin antara dua buah pihak. Kebiasaannya, hubungan ini terjalin dengan menandatangani triti antara mereka.

Tuntasnya, walaupun majoriti responden dalam temu bual mampu mengenal pasti istilah-istilah yang ditanya, terdapat sebahagian responden yang kurang memahami istilah tersebut dan perkara ini perlu diberi perhatian dalam usaha untuk mengetahui puncanya. Hal ini begitu penting agar penganalisis terhadap usaha-usaha bagi mengatasi masalah-masalah tersebut dapat dilakukan. Melalui cara ini kita boleh melakukan penambahbaikan pada masa hadapan untuk lapisan generasi lapisan yang akan datang kelak.

6. Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa tahap pemahaman mahasiswa terhadap istilah diplomasi dalam bahasa Melayu berada pada tahap sederhana. Faktor utama yang mempengaruhi tahap pemahaman ini adalah penggunaan bahasa Inggeris yang lebih dominan dalam bidang diplomasi dan kurangnya pendedahan kepada istilah dalam bahasa Melayu. Oleh itu, amatlah penting untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam diplomasi dalam kalangan mahasiswa bagi memperkukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam urusan antarabangsa. Kesedaran tentang istilah diplomasi dalam bahasa Melayu perlu dipertingkatkan dalam kalangan mahasiswa dan pegawai kerajaan secara konsistensi serta holistik. Bagi cadangan kajian lanjutan, kajian ini boleh diperluaskan kepada pelajar dari universiti lain untuk mendapatkan data yang lebih luas. Kajian ini juga boleh meneliti cara-cara terbaik untuk meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap istilah diplomasi dalam bahasa Melayu, seperti menerapkan kursus khas atau bengkel bahasa di universiti.

Penghargaan

Para penulis ingin menyatakan penghargaan kepada Jabatan bahasa Melayu, Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, UIAM Pagoh atas sokongan yang diberikan sehingga kajian ini berjaya diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Para penulis berkolaborasi dalam melaksanakan kajian dan penulisan bagi makalah ini.

Rujukan

- Aminnudin Saimon, Siti Arfah Nazman, Nur Salehah Mat Isa, Nadia Nadhirah Radzali & Siti Norlina Mohd Zulkeffle. (2022). Pemahaman mahasiswa mengenai istilah semasa dalam bidang Teknologi Maklumat. *Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 2022*. 70-88.
- Amirulhakim Jalil, Nur Fatehah Jeffri & Mohd Fauzan Mat Jam Jam (2024). Penguasaan istilah Sains dan Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu Tinjauan. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Pusat Pengajaran Citra UKM. 187-190.

- Ayu Nor Azilah Mohamad & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2022). Persepsi mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Kolej Universiti Bestari terhadap Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. *Journal of Muwafaqat*. 5(2). 85-104.
<https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/120/87>
- Bobeica, G, (2021). Diplomatic language as part of the language for specific. *Etudes Interdisciplinaires en Sciences humaines (EISH)*, (8), 600-610. <https://ojs.iliauni.edu.ge/index.php/eish/article/view/590/477> E-PROSIDING SEMINAR ANTARABANGSA
- Hasnah Mohamad & Noorul Khairien Abdul Malek. (2020). Pembentukan istilah Sains Kesihatan oleh pengguna dalam teks umum Bahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 20(3), 96-112.
<https://journalarticle.ukm.my/15723/1/38670-135001-1-PB.pdf>
- Lysyakova, M., & Oshurmahmadova, S. (2020). Towards the Terminological Status of Diplomatic Documentation Vocabulary. *European Proceedings of Social and Behavioral Sciences*, 10(5), 836-841.
- Mohammed Azlan Mis & Nur Syafiqah Muhammad Situl. (2022). Pemilihan bahasa dalam situasi rasmi di pejabat kerajaan. *Journal of Language Studies*, 22(3), 213-235. <https://journalarticle.ukm.my/20561/1/55803-191960-1-PB.pdf>
- Muhammad Hatta Shafri, Hibriyatul Rifhan Abu Bakar, Fudzla Suraiyya Abd Raup & Mohd Akashah Mohamad Yusof. (2023). Kekerapan penggunaan istilah berkaitan COVID-19 dalam Akhbar Arab: Kajian Korpus. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJEAL)*, 13(1). 25-35.
<https://journal.ump.edu.my/ijleal/article/view/9140/2860>
- Norliza Jamaluddin. (2023, Februari 7). Upaya Bahasa Melayu sebagai sarana ilmu.
https://hep.upm.edu.my/article/upaya_bahasa_melayu_sebagai_sarana_ilmu-71256